



**SEMINAR ADAT PERPATIH
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
26 - 28 DISEMBER 1994**

Kertas Kerja

**ADAT PERPATIH NILAI DAN FALSAFAHNYA
"BIAR MATI ANAK JANGAN MATI ADAT"**

Oleh

Tan Sri Abdul Samad Idris

**ANJURAN
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

**Teluk Kemang, Port Dickson
Negeri Sembilan**

SECEBIS MENGENAI : ADAT PERPATIH, NILAI DAN FALSAFAHNYA

Sebelum saya menghuraikan dengan lebih lanjut berhubung dengan Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya, ada baiknya saya bentangkan di sini terlebih dahulu perkara yang sering menjadi kekeliruan bagi kebanyakan orang yang tidak mendalami apakah sebenarnya yang dikatakan '**adat**' itu, supaya dapat kita menafaatkan '**sudah terang lagi bersuluh**'.

Tidak sedikit orang yang keliru mengenai dengan istilah '**adat**' ini. Bila disebut saja '**adat**' fikiran orang ramai tertumpu dan menerawang terus kepada apa yang disebut '**adat istiadat**' yang kebiasaan atau yang lazim kita lihat dan lakukan seperti adat nikah kahwin, adat bercukur anak, adat pinang meminang, melenggang perut dan lain-lain seumpamanya yang berbentuk kesenian termasuklah juga adat istiadat yang berhubung kait dengan istana dan raja-raja.

Satu lagi perkataan yang lazim kita sebut ialah '**adat resam**', tetapi ada juga orang yang memisahkan dua perkataan ini - adat dan resam. Kononnya adat resam tidak sama maksud dan ertinya dengan '**adat atau resam**'. Ianya adalah berlainan pada sifat, arah maksud dan maknanya.

KANDUNGAN

Muka Surat

- | | | |
|----|--|---------|
| 1. | Secebis mengenai: Adat Perpatih -
Nilai dan Falsafahnya | 1 - 13 |
| 2. | Apakah yang Dikatakan Adat | 14 - 39 |
| 3. | Rezeki Secupak Takkan Jadi Segantang | 40 - 43 |
| 4. | Jika Berlaku Perceraian | 44 - 47 |
| 5. | Tanah Pesaka | 48 - 53 |

Jika kita tilik secara yang agak mendalam sedikit, pendapat yang kedua ada juga benarnya, kerana adat dan resam itu adalah berbeza maksud dan sifatnya. Sebaliknya jika ditinjau dari sudut dan pandangan yang pertama, bahawa adat itu hanyalah merupakan 'kebiasaan' atau kelaziman seperti adat istiadat tadi, maka 'adat resam' itu tidak boleh dipisahkan tentang maksud dan sifatnya, malah ia dapat dikatakan sama.

Sebaliknya jika kita kaji secara yang agak lebih mendalam lagi berhubung dengan istilah apa yang dikatakan 'adat' itu, nyatalah adat dan resam itu berbeza dalam maksud dan sifatnya.

Di bawah ini saya akan cuba huraikan serba sedikit untuk renungan dan pertimbangan kita bersama. Adat pada umumnya adalah satu-satu amalan yang ghalib atau lazim yang biasa diamalkan oleh satu-satu kelompok masyarakat dalam mengatur cara hidupnya sehari-hari. Dari bilangan atau kelompok yang kecil akhirnya menjadi besar dengan bilangan manusia semakin membiak maka lahirlah apa yang disebutkan masyarakat, negeri atau negara.

Manusia semakin hari semakin pandai dan bertamadun telah menggunakan akal dan fikirannya mengatur cara hidup mereka dengan menjadikan adat dan kebiasaan itu untuk mentadbirkan masyarakat, negeri dan negaranya.

Begitu jugalah dengan Adat Perpatih yang telah diwarisi dan dipesakai dari nenek moyang orang-orang Melayu di Negeri Sembilan yang dibawa oleh orang-orang Minangkabau. Adat Perpatih ini bukan saja menjadi resam dan kebiasaan bagi orang-orang Melayu di Negeri Sembilan dalam percaturan hidup bermasyarakat sehari-hari, malah lebih dari itu, Adat Perpatih adalah **'hukum'** yang terjelma dalam sistem sosial masyarakatnya di samping menjadi undang-undang dalam pentadbiran negeri, seperti yang diperkuatkan dalam perbilangan:

Biar mati anak jangan mati adat

Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan

Dianjak layu, dicabut mati

Gemuk berpupuk segar bersiram

Berjenjang naik, bertangga turun

Patah tumbuh hilang berganti

Pesaka bergilir, seka berwaris

*Adat bersendi hukum, hukum bersendi kitabullah

Syarak mengata, adat mengikut (memakai)

Adat dan syarak sandar menyandar

* Perbilangan ini lahir setelah orang-orang Minangkabau memeluk Agama Islam

Adat Perpatih sekaligus adalah peraturan hidup bermasyarakat dan berpolitik serta pentadbiran negara yang terjalin dengan konsep demokrasi. Konsep demokrasi dalam Adat Perpatih ini amat jelas dinyatakan:

Bulat air kerana pembetung

Bulat kata kerana muafakat

Ke gunung sama didaki

Ke lurah sama dituruni

Hati gajah sama dilapah

Hati kuman sama dicecah

Dalam melantik ketua-ketua masyarakat pula jelas ia dipilih dengan suara ramai seperti diungkapkan dalam pepatahnya (berikutan).

Pepatah petiti dan perbilangan yang sering diungkapkan bukanlah kata-kata kosong semata-mata untuk indah didengar bak kata orang '**indah khabar dari rupa**', tetapi adalah satu peraturan yang menjadi pegangan dan hukum dalam sistem sosial masyarakatnya. Oleh itu sekiranya ada tanggapan yang menyebut Adat Perpatih terlalu mengongkong cara hidup bermasyarakat dalam masyarakatnya, hanyalah dibuat melalui penilaian yang amat negatif seperti '**menyelam air dalam tunggak**'.

Peranan Penjajah

Sebelum penjajah Inggeris mempengaruhi pentadbiran Negeri Sembilan, Adat Perpatih adalah sumber rujukan segala peraturan dalam sistem sosial masyarakatnya. Atau sekarang lebih dikenali sebagai undang-undang yang mengatur cara pentadbiran politik negeri dan hidup bermasyarakat.

Adat Perpatih juga telah mengajar manusia dalam sistem pentadbiran berdemokrasi dan paling ulung di dunia ini. Pepatah yang menyebut **'berjenjang naik bertanggung turun'** itu agak jelas mencerminkan betapa kentalnya sistem demokrasi dituntut dalam pentadbiran Adat Perpatih. Malah amalan demokrasi itu dipraktikkan dalam menyusun pentadbiran negeri di mana orang ramai (rakyat) diberikan hak dan kebebasan memilih dan dipilih seperti perbilangannya :

Bulat arak buah menjadikan Buapak

Bulat Buapak menjadikan Lembaga

Bulat Lembaga menjadikan Penghulu/Undang

Bulat Penghulu/Undang menjadikan Raja.

Pepatah petiti dan perbilang ini adalah hukum adat (undang-undang) yang menjadi pegangan dalam memutuskan satu-satu perkara berbangkit. Tetapi setelah Inggeris mencampuri pentadbiran negara maka undang-undang British

telah dipakai sehingga pentadbiran mengikut sistem Adat Perpatih itu hilang dan dilenyapkan. Yang tinggal hanyalah '**adat istiadat**' yang dipakai sewaktu nikah kahwin, pembahagian pesaka, adat di istana, istiadat mengadap raja dan seumpamanya.

Hinggalah sekarang generasi muda telah terbawa-bawa membuat tafsiran bahawa Adat Perpatih ini sudah ketinggalan zaman, usang dan lapuk. Anggapan ini jika dipandang dari satu sudut memang kedapatan benarnya. Saya tidaklah menyalahkan mereka kerana sebenarnya mereka tidak tahu apa itu '**Adat Perpatih**'. Sebab itulah dalam pepatah petiti Melayu ada disebutkan '**tak kenal maka tak cinta**' - disebabkan mereka tidak kenal Adat Perpatih maka kerana itulah mereka tidak menyintainya.

Memang tidak dapat dinafikan ada di antara peraturan-peraturan adat itu yang agak usang dan semestinya diganti atau diperbaiki. Adat itu sendiri telah mengungkapi :

Yang buruk diperbaiki

Yang usang diganti

Yang koyak ditampal

Yang pendek disambung

Yang panjang dikerat

- ibu adat itu muafakat.

Di sini tidak timbul anggapan ia 'dibuang' atau dicampakkan ke tepi, sebaliknya dinilai semula supaya: **yang baik dipercepatkan supaya dapat baiknya, yang buruk dilambatkan biar dapat baiknya semula.**

Hidup kita di zaman moden ini pun, undang-undang dan peraturan yang dibuat adalah sentiasa dipinda dan diperbaharui, malah ada yang dibuang langsung, kerana semuanya adalah ciptaan manusia. Oleh itulah ianya perlu disesuaikan dengan peredaran zaman dan perubahan masa yang serba maju ini.

Begitu jugalah halnya dengan Adat Perpatih itu sendiri. Ia sudah melalui proses alam kira-kira lima abad lamanya. Apa yang terjadi dan berlaku 500 atau 600 tahun yang lalu, malah lebih lama dari itu, sudah pasti tidak sama dengan apa yang terjadi dalam kurun duapuluh ini. Orang-orang tua dulu telah melakukan beberapa perubahan bila orang-orang Minangkabau telah memeluk Agama Islam dengan menambah: **adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah.**

Tadi saya katakan, sebelum negeri kita dijajah Inggeris dalam akhir kurun yang lalu, Adat Perpatih adalah menjadi pegangan dalam sistem pentadbiran

Negeri Sembilan, baik dari segi melantik pembesar-pembesar negeri, hukum jenayah, pembahagian pesaka dan lain-lain umpamanya. Semuanya berpandukan dan didasarkan menurut adat, pepatah petiti, perbilangan itu telah menjadi panduan dalam hukum beradat.

Secebis contoh yang paling kecil dan betapa tingginya nilai falsafah adat ini dapat kita perhatikan dalam ungkapan pepatah:

Kerbau tak berkandang, seladang

Padi tak berpagar, lalang

Cubalah tafsirkan perbilangan ini. Bagi saya kata-kata ini amat tinggi nilainya. Jika anak-anak buah memegang dan mempraktikkan kata-kata ini nescaya mereka tidak akan menemui sebarang pertengkaran dan pergaduhan dekat rumah dan dekat kampung, kerana:

Yang memiliki kerbau harus dikandang

Yang memiliki sawah padi harus dipagar.

Dalam pada itu terjadi juga sesuatu yang tidak diingini, kerbau terlepas dari kandang, pagar sawah roboh dirempuh kerbau, padi jiran dimakan juga oleh sang kerbau, maka di sini barulah berdirinya adat (undang-undang).

Pemegang adat iaitu Buapak, Datuk-datuk Lembaga atau Datuk-datuk Penghulu akan menjatuhkan hukuman yang setimpal dan adil.

Lebih jauh dari itu ungkapan tersebut membawa pengertian yang lebih simbolik terhadap manusia sejagat. Selagi kita hidup sebagai manusia mestilah terlingkung dalam peraturannya:

Rumah nan berketak

Tangga nan berlaman

Jangka nan berelak.

Sekiranya tidak mengikuti peraturan adat maka samalah ertinya dengan 'seladang' yang tidak berkandang, atau 'sawah padi' yang tidak berpagar. Kalau diteliti secara mendalam ratusan dan ribuan pepatah petiti yang telah dicipta, bagi kita di Negeri Sembilan saya tidak tahu dengan jelas berapa ramai lagi di antara kita yang masih ingat dan memahaminya. Sebagai pemegang teraju adat, saya merasakan ia amat perlu diketahui secara lebih mendalam supaya ia tidak hilang ditelan zaman.

Bagaimanapun, seseorang penghulu atau lembaga mestilah berdiri di atas benar. Mereka tidak boleh bersikap '**limau masam sebelah**' kerana adat telah menetapkan:

Adat teluk timbunan kapal

Adat gunung timbunan kabus

Adat bukit timbunan angin

· Adat pemimpin tahan diuji

Kemanakan beraja ke mamak

Mamak beraja ke Penghulu

Penghulu beraja ke benar

Benar berdiri sendiri

Setiap masalah yang diuji kepada seseorang pemimpin itu tidak seharusnya menjadikan mereka hilang punca, misalnya dialahkan oleh sogokan rasuah atau dipanggil '**kuah kuning**' sehingga keadilan diketepikan. Sebaliknya seseorang pemimpin hendaklah menyelesaikan sebarang persengkitaan:

Macam menarik rambut dalam tepung

Rambut jangan putus

Tepung jangan berserak

Kalau keruh dijernihkan

Kalau kusut diusai

Sebab itulah seseorang pemimpin dalam adat itu mempunyai ciri-ciri yang boleh memberikan teladan kepada kepimpinannya:

Fikir itu pelita hati

Tenang punca bicara

Hening seribu akal

Kerana sabar, benar mendatang

Penghulu Beraja ke Benar

Seperti saya jelaskan tadi, seseorang Penghulu atau Lembaga tidak boleh bersikap 'limau masam sebelah, atau perahu karam sekerat' dalam menjalankan keadilan adat. Mereka tidak boleh menjadikan diri masing-masing:

Puar condong ke perut

Kena ke perut dikempiskan

Kena ke mata dipejamkan

Penghulu juga mestilah memegang teguh dan bersikap:

Kato Penghulu kata penyelesaian

Berjalan di nan lurus

Berkata di nan benar

Berhukum di nan adil

Penghulu juga hendaklah berpegang teguh dengan kata-kata adatnya:

Biar mati anak jangan mati adat

Tak lekang dek panas

Tak lapuk dek hujan

Dianjak layu, dicabut mati.

Walaupun anak sendiri yang melakukan kesalahan, ia juga mesti dihukum menurut besar kecil kesalahannya itu. Kerana adat itu adalah undang-undang maka ia mesti dipertahankan seperti diungkapkan:

Gemuk berpupuk

Segar bersiram

Terkilan anak buah, mengadu

Terkilan tua waris, memanggil

Bagi saya, saya mesti memberikan tabek hormat kepada Dato' Perpatih Nan Sabatang dan Dato' Ketemenggungan yang telah menyusun dan mengatur adat ini dengan begitu indah susunan kata-katanya yang tersusun rapi.

Jika kita bawa ingatan kita di zaman 600 tahun yang lalu di mana manusia belum tahu menulis dan membaca, belum ada sekolah baik rendah mahu pun

tinggi; kedua-dua adik beradik Perpatih dan Ketemenggungan (Temenggung) dan tentunya dibantu oleh orang-orangnya telah dapat menyusun adat (undang-undang) yang agak lengkap sesuai dan selaras dengan zamannya malah sehingga kini masih tak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan.

APAKAH YANG DIKATAKAN ADAT

Pepatah yang amat popular dan menjadi perhatian umum dan ada kalanya menimbulkan kontroversi dan tidak terlepas pula dari menjadi ejekan bagi sesetengah orang, pepatah yang mengungkapkan:

Biar mati anak jangan mati adat

Tak lekang dek panas

Tak lapuk dek hujan

Dianjak layu dicabut mati

Ia adalah pepatah yang memainkan peranan penting dalam pentadbiran Adat Perpatih dalam zaman kerajaan Melayu dulu, tetapi sejak penjajah Inggeris mencekam tanahair kita semua pentadbiran kerajaan telah diubah menurut kehendak yang sesuai dengan selernya. Maka tinggalah pentadbiran Adat Perpatih ini berkisar dalam lengkungan adat seperti nikah kahwin dan lain-lain seumpamanya. Ia tidak lebih dari menjadi perhiasan istiadat seumpama keris yang menjadi lambang keperwiraan hulubalang Melayu di zaman kegemilangan dan keagungannya dulu.

Banyak orang salah faham dan tidak pula mahu memahami secara mendalam apakah yang dikatakan adat itu yang sebenarnya. Salah faham ini bukan saja timbul di kalangan rakyat biasa saja, malah kedapatan juga di kalangan sesetengah pemimpin-pemimpin kita juga. Mereka merasakan bahawa Adat Perpatih ini adalah satu sistem hidup bermasyarakat orang-orang Melayu yang telah usang dan lapuk yang tidak seharusnya diamalkan lagi.

Pepatah '**biar mati anak jangan mati adat**' yang menjadi pegangan asas sistem hidup bermasyarakat dalam Adat Perpatih ini, sering disalah tafsirkan. Satu masa dulu dalam tahun 1946, Dato' Onn sendiri sebagai pemimpin ulung bangsa Melayu pernah mnyuarakan sebaliknya '**biar mati adat jangan mati anak**' katanya.

Malah hingga sekarang ini pun masih kedapatan sesetengah pemimpin-pemimpin kita yang beranggapan demikian. Semua ini berlaku adalah disebabkan mereka kurang memahami apakah sebenarnya yang dikatakan adat itu, kerana selalunya mereka mengaitkan adat itu dari suatu nilai yang negatif.

Di sini saya cuba huraikan dengan secara ringkas untuk bahan menungan kita bersama semoga ia menjadi titik tolak dan diharapkan ia tidak timbul lagi persoalan yang dianggap negatif itu.

Adapun yang dikatakan 'adat' itu terbahagi kepada empat jenjang atau kategori seperti di bawah ini:

1. Adat yang sebenar adat
2. Adat yang diadatkan
3. Adat yang teradat
4. Adat istiadat.

Orang-orang yang membuat tafsiran tentang nilai-nilai yang terdapat dalam adat sehubungan dengan ungkapan '**biar mati anak jangan mati adat**' ini hanya melihat dari sudut kategori yang ke 4 di atas.

'**Adat yang sebenarnya adat**' itu sebenarnya adalah: apa yang dikatakan '**undang-undang**' sekarang ini. Disebabkan waktu adat berkenaan dicipta sejak lebih 500 tahun yang lalu, mereka belum pandai menulis serta membaca, maka peraturan tersebut dipertuturkan secara lisan. Oleh itu seseorang yang bakal dilantik menjadi Tua Adat sama ada Buapak, Lembaga mahupun Penghulu adalah wajib memahami peraturan (undang-undang) adat ini.

Dalam hubungan ini bermakna, orang yang dilantik menjadi Tua Adat adalah terdiri dari mereka yang matang serta masak dalam peraturan adat dan

bukanlah sebarang orang yang boleh menyandanginya. Mereka semua diuji terlebih dahulu oleh anak-anak buahnya, dan setelah lulus ujian barulah mereka dilantik memegang jawatan berkenaan.

Kalau diibaratkan di zaman moden ini, '**adat yang dikatakan sebenar adat**' itu ialah, undang-undang yang telah diwartakan atau digezetkan. Semuanya telah dibicang oleh pembesar-pembesar adat serta anak buah masing-masing sebelum dipakai. '**Balai Rongseri**' tempat mereka membincangkan masalah adat ini samalah dengan Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri sekarang, cuma bentuk dan caranya saja yang berlainan dan berbeza.

Oleh itu adalah tidak manis bilamana kita terlalu terpesona dengan sistem perundangan dari barat, maka kita mentafsirkan sistem perundangan melalui adat ini sebagai usang dan lapuk. Sistem yang terdapat dalam adat ini sebenarnya tidak usang dan lapuk, sebaliknya pelaksanaan yang dijalankan oleh Tua Adat yang tidak memahami adat itulah menyebabkan timbul keraguan bukan saja dari kalangan orang yang di luar lingkungan Adat Perpatih, malah orang-orang dalam lingkungan kita sendiri pun.

Ia tidaklah seharusnya dijadikan alasan. Misalnya kalau seseorang Islam melakukan perbuatan khurafat, tidaklah bermakna Islam itu tidak baik.

'Adat yang diadatkan' dan 'adat yang teradat', meskipun ada sedikit perbezaan, tetapi ia dapat dikatakan sama maksud, makna dan sifatnya.

'Adat yang diadatkan' bererti adat yang telah menjadi pegangan dan warisan dari nenek moyang, misalnya adat-adat yang berunsurkan kehinduan masih kedapatan di kebanyakan kampung dan desa yang masih diamalkan oleh orang-orang kita.

Adat melenggang perut, mencukur anak yang menggunakan pucuk dan buah nyiur muda, mayang pinang dan seumpamanya dapat kita saksikan dalam upacara dan adat ini.

Begitu juga adat bersanding dalam perkahwinan sudah menjadi darah daging kita. Upacara seperti bersemah, tepung tawar, semua ini terlingkung dalam 'adat yang diadatkan' dan 'adat yang teradat'.

Pepatah 'biar mati anak jangan mati adat' ini tidak boleh disamakan dengan 'korban' orang-orang jahiliah untuk mendapatkan perlindungan dari dewa-dewa, dengan kesanggupan mereka menyembelih anak masing-masing di kuil-kuil. Pepatah ini adalah lambang keadilan yang mesti dipertahankan.

Tak lekang dek panas

Tak lapuk dek hujan

Gemuk berpupuk segar bersiram

Dianjak layu dicabut mati.

Kalau lambang keadilan ini tidak dipertahankan akan berlakulah:

Kalau tak patah, tiek

Kalau tak luka, congek

Kalau ketulahan, tujuh tenggang hilang pesaka

Tujuh musim padi tak jadi

Keadilan tersebut bolehlah diibaratkan begini: Katakan seseorang ayah yang menjadi Lembaga atau Penghulu hatta Raja sekalipun, mendapati anaknya sendiri melakukan kesalahan besar atau kecil yang boleh mengancam keselamatan masyarakat dan negara, maka di sinilah lahirnya pepatah '**biar mati anak jangan mati adat**' itu - yakni siayah tadi mestilah menjalankan keadilan yang dituntut oleh adat.

Perkara '**mati**' di sini adalah '**lamang keadilan dan keteguhan adat itu sendiri**'. Ia bukanlah ertinya hukuman bunuh saja, tetapi hukuman mesti dijalankan kepada siapa saja yang bersalah hatta yang terpaksa dihukum itu adalah anak kandung sendiri.

Inilah nilai keadilan dalam pemerintahan sistem Adat Perpatih supaya tidak berlaku:

Kena ke perut dikempiskan

Kena di mata dipejamkan

Tersauk ikan suka

Tersauk bangkar masam muka.

Sistem keadilan ini sudah tentu sesuai di mana-mana pun negara di dunia ini.

Begitu halnya dengan kategori yang kedua, '**adat yang diadatkan**' dan yang ketiga, '**adat yang teradat**'. Manakala yang keempat, '**adat istiadat**' itu adalah menurut keputusan dan resam yang selalunya dipakai dalam perkara yang berhubung dengan adat istiadat seumpama nikah kahwin, adat di istana, mengadap raja dan yang terlengkong dalam seni budaya.

Salah satu pepatah petitiyah yang merupakan serangkap pantun memperlihatkan bagaimana luasnya pengertian adat itu di mana ia meliputi segala aspek penghidupan termasuk ekonomi, manakala alam terkembang luas ini hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya, cubalah hayati dengan fikiran terbuka dan berilah penilaian:

Penakik pisau seraut

Ambil galah batang lintabung

Seludangnya buatkan nyiru

Setitik jadikan laut

Sekepal jadikan gunung

Alam terkembang jadikan guru.

Kalau kita menganalisa dari rangkap-rangkap pantun berkenaan ternyata ianya amat bernilai dengan rangkaian falsafah yang menakjubkan. Bertolak dari untaian pepatah petitihi inilah mengiringi pepatah petitihi yang lain bagi diamalkan dalam pemakaian sistem hidup bermasyarakat dan bernegara.

Bagi orang-orang Minangkabau di Tanah Minang serta orang-orang Melayu di Negeri Sembilan, sejak sebelum pencerobohan penjajah-penjajah barat menakluki negeri ini dalam akhir kurun ke 19 dulu, memang teguh menjalankan sistem pentadbiran berdasarkan Adat Perpatih ini.

Seperti yang disebutkan terdahulu dan dimana ada kesempatan, saya pernah menjelaskan sebahagian besar orang kita menganggap Adat Perpatih itu sudah lapuk dan usang; tidak sesuai lagi dengan peredaran zaman sekarang yang serba maju dan moden. Sepintas lalu kalau kita melihat dari jauh memanglah anggapan demikian ada benarnya. Tetapi sebaliknya kalau dikaji

secara mendalam, lebih-lebih lagi kalau kita berkesempatan melihat dari dekat dari mana lahir dan tumbuhnya adat ini iaitu di alam Minangkabau akan dapatlah kita fahami:

Yang merah itu adalah saga

Yang kuning itulah emas, dan

Yang berkilau itu adalah permata

Kalau kita selaraskan pula dengan pendapat dan warisan orang tua-tua kita di Negeri Sembilan maka anggapan terhadap adat yang sudah lapuk dan usang ini, pasti tidak menepati logiknya. Malah saya sendiri yang hidup:

Di lingkungan bendul rumah yang berketak

Tangga yang berlaman

di bumi yang mengamalkan Adat Perpatih itu sendiri sudah beranggapan demikian sebelum membuat kajian yang mendalam mengenainya dulu.

Apatah lagi anak-anak muda sekarang yang sudah begitu banyak menempuhi cara hidup dan tamadun yang dibawa oleh orang-orang barat serta alam keliling yang mempengaruhi jiwa dan pandangan mereka, sudah tentulah menganggap sepi saja terhadap adat ini seolah-olah:

Melukut di tepi gantang

Masuk tak penuh

Keluar tak luak

Jatuh ke halaman tak dipatuk ayam

Jatuh ke air tak disudu itik.

Apabila saya membuat kajian yang agak menyeluruh serta pendekatan yang khusus setelah berpeluang menemui orang tua-tua, pemuka-pemuka adat dan cerdik pandai Minangkabau dalam lawatan saya beberapa kali ke alam nenek moyang ini, memang bertepatanlah seperti pepatah kita: **'Hanya jauhari yang mengenal maknikam'**. Kita akan mengagumi betapa murni dan tingginya nilai falsafah yang tersirat di dalamnya.

Dari kajian yang saya lakukan sedikit sebanyak seperti apa yang dilihat, dipelajari dan dialami di kampung halaman kita sendiri, di samping memberikan perhatian yang mendalam, memanglah Adat Perpatih ini bukan sekadar alunan yang menjadi halua telinga, tetapi disirat dengan madah serta falsafah yang tahan diuji sepanjang zaman.

Tidak kepadatan sistem adat ini yang saya anggap bertentangan dengan cara hidup bermasyarakat yang telah kita anuti di zaman moden ini. Bagaimanapun, seperti juga peraturan dan undang-undang dunia yang

lainnya, memang tidak ada yang kekal, tidak ada yang abadi melainkan kita harus menyesuaikan dengan peredaran zaman dan masa. Sebab itulah ditegaskannya:

Usang-usang diperbaharui

Koyak ditampung (ditampal)

pendek disambung

Panjang dikerat

Yang elok jadikan teladan

Yang buruk jadikan sempadan.

Bagaimanapun, sebelum saya huraikan sedikit sebanyak mengenai soal yang berkaitan, ada eloknya lebih dahulu saya bawa perhatian kepada ungkapan pepatah yang merupakan rangkapan pantun enam rangkap seperti disebutkan di permulaan tadi. Lihat saja petikan tiga rangkap terakhir yang berbunyi:

Setitik jadikan laut

Sekepal jadikan gunung

Alam terkembang jadikan guru.

Dari sebuah buku kecil yang saya baca ditulis oleh seorang sasterawan Minangkabau bernama IRDJA yang berjudol : **MENYINGKAP TABIR**

SEJARAH MINANGKABAU dapat saya ungkapkan di sini bahawa '**alam terkembang jadikan guru**' ini menjadi titik tolak dari falsafah kehidupan orang-orang Minangkabau yang disebutkannya:

Ambil tuah ke nan menang

Ambil contoh ke nan sudah.

Yang setitik jangan dibiarkan tetap setitik, tetapi tambahkanlah dengan cara beransur-ansur supaya menjadi lebih meluas seperti laut yang bergelora.

Begitu juga 'sekepal' jangan dibiarkan tetap sekepal saja, tetapi hendaklah diusahakan supaya membesar hingga kelak terbentang menjadi bukit dan gunung yang tersergam tinggi mengawan. Di sini saya catatkan tiga tamsil dari ratusan atau ribuan lagi yang dibuat oleh orang-orang Minangkabau yang mengkaitkan 'alam terkembang jadikan guru**' itu:**

- 1. Ayam berinduk**
- 2. Serai berumpun**
- 3. Sirih berjunjung.**

Kenapa mereka memilih ayam berinduk? Kenapa tidak mengambil dari ibarat yang lain umpamanya kerbau berinduk atau lembu berinduk? Malah kalau

mahu diambil ibarat dari binatang liar pun harimau juga ada berinduk dan beranak. Tetapi mengapa orang-orang Minangkabau mengambil ayam berinduk sebagai tafsiran dari 'alam terkembang jadikan guru' tadi?

Setelah dihalusi, kita pasti bersetuju bahawa ayam mempunyai satu sifat dan tabiat yang boleh dijadikan contoh teladan kehidupan sehari-hari bagi insan di muka bumi ini yang lahir dari sumber alam yang dikatakan terkembang itu. Sebagai satu contoh dari keadaan lingkungan alam yang dicerminkan oleh nenek moyang orang-orang Minangkabau melahirkan satu falsafah seperti perilaku kehidupan seekor induk ayam yang tahu memenuhi tanggungjawab dalam mengatur serta melindungi anak-anaknya.

Induk ayam memang haiwan, tetapi cukup tinggi tanggungjawabnya terhadap kepentingan anak-anaknya. Walaupun jumlah anaknya banyak namun siinduk ayam tetap mampu memberi anak-anaknya cukup makan hingga tidak mengalami kelaparan. Malah pepatah kita juga apabila menggambarkan tentang kegigihan golongan miskin menyebut:

kais pagi makan pagi

kais petang makan petang

yang juga mengambil ibarat tamsil dari kehidupan ayam.

Ayam juga bukan sekadar menjaga makan minum anak-anaknya dengan sempurna, malah sanggup mempertaruhkan nyawanya untuk melindungi anak-anaknya dari musuh. Anak-anaknya dimasukkan di bawah kepaknya untuk melindungi dari kesejukan di waktu malam atau kehujanan, si induk ayam tidak melepaskan anak-anaknya sekalipun dirinya diancam musang. Si induk ayam juga akan berligar mengembangkan sayap ke tengah padang sekiranya ternampak bayang helang mahu menyambar dari udara.

Demikian ayam dijadikan tamsil ibarat. Tidak sama seperti harimau yang kadangkala memakan anaknya sendiri. Sedangkan induk ayam sekalipun ditaburkan beras atau padi oleh tuannya, dia tidak akan memakannya melainkan diberikan kepada anak-anaknya terlebih dahulu.

Begitu juga perilaku induk ayam tidak mahu memakan sebarang makanan yang diberikan secara percuma melainkan dia mesti mengekas terlebih dahulu. Dalam ertikata lain setiap insan wajar mencari makan dengan titik peluh sendiri dengan tidak mengharapkan mendapat dengan mudah atau percuma dari belas ihsan orang lain bagaikan:

Pipih datang melayang

Bulat datang menggolek

Mengharapkan bulan jatuh ke riba.

Sebaliknya mestilah membanting tulang mengeluarkan peluh membina kehidupan yang boleh diwarisi pula hingga sampai ke generasi mereka selanjutnya.

Tanggungjawab seekor induk ayam mempertahankan anak-anaknya dari musuh, bukan saja dari musuh-musuh liar seperti biawak, helang, kucing jalang, musang dan sebagainya. Malah kalau ayam jantan atau tuannya sekalipun cuba hendak mendekati saja, nescaya akan mendapat tentangan dari induk atau ibunya. Apakah lagi kalau musuh-musuh yang liar pasti akan dikelepurkan sekalipun dirinya sendiri terkorban.

Beginilah contoh sumber alam memperkenalkan tabiat induk ayam yang boleh dijadikan teladan oleh manusia untuk digarap dalam falsafah yang tinggi nilainya. Di sini saya suka membuat pertanyaan, berapa orang dari kita di sini yang ada mengambil perhatian dan menilai dari ungkapan '**alam terkembang jadikan guru**' ini? Saya tidak mahu jawapan.

Bagaimanapun induk ayam tidaklah memelihara anaknya berterusan, tetapi ada batasnya. Setelah anak-anaknya mulai dewasa dan mampu menguruskan hidupnya sendiri, dia akan melepaskan seekor demi seekor anak-anaknya untuk diceraikan dan dilepaskan bagi memulakan penghidupan sendiri. Anehnya, induk ayam tidaklah melepaskan anak-anaknya sekaligus

dari tanggungjawabnya, tetapi satu demi satu, kemudian disusuli oleh yang lain hinggalah habis kesemuanya dipisahkan dari induknya.

Setelah anak-anaknya besar pula, induk ayam ini tidak pernah meminta balas jasa dari anak-anaknya. Mereka mencari sendiri dan induknya juga terus mengekas sendiri. Dari sudut lain nenek moyang orang Minangkabau mengambil tamsil lagi kepada ayam seperti bunyi pepatahnya:

Seciuk bak ayam

Sedencing bak besi.

Pepatah ini ditujukan kepada betapa kukuhnya persatuan mereka dalam kaum mereka sendiri. Falsafah kehidupan induk ayam inilah dijadikan oleh nenek moyang orang-orang Minangkabau sebagai panduan kehidupan masyarakat di daerah ini yang memakai jalur keturunan ibu.

Manakala yang kedua pula ialah '**serai serumpun**'. Kenapa orang-orang tua Minangkabau mengambil tamsil ibarat daripada serai, padahal tumbuh-tumbuhan lain seperti kunyit, pisang, buluh dan sebagainya juga berumpun. Tetapi mengapa mereka mengambil serai sebagai contoh atau tamsil ibarat?

Rumpun buluh misalnya lebih kukuh dan kuat dari rumpun serai. Begitu juga

rumpun pisang lebih besar dari serai sendiri, malah rimbun daunnya boleh dibuat tempat berlindung dari panas dan hujan. Tetapi kenapa serai juga dijadikan contoh mentamsil dalam mereka mengambil ibarat dari 'alam terkembnag jadikan guru' ini?

Sebenarnya serai mempunyai ciri-ciri khusus dari rumpun-rumpun tumbuhan yang lain, selain mengelompokkan batangnya menjadi satu rumpun yang besar. Namun hak individu atau hak tiap-tiap batang itu tetap ada, tidak berhimpit-himpit dengan tunggul induknya seperti halnya rumpun pisang. Kita tahu rumpun pisang antara satu batang dengan batangnya yang lain mempunyai hak persamaan yang tidak sekata, kerana ada yang besar dan kecil, tinggi dan rendah, berbuah dan baru menjulur jantung, dan ada yang langsung tidak berbuah.

Begitu juga dengan rumpun buluh yang nyata berbeza kedudukan taraf dari induknya. Ada yang masih rebung, ada yang mempunyai miang, ada yang tumbuh terasing jauh dari rumpunnya. Tetapi serai serumpun tetap bersama ibunya sama ada tegak merimbun mahupun pupus lampus sama sekali, di sinilah mereka mengambil iktibar.

Demikianlah pula dengan sirih berjunjung yang dijadikan ibarat tamsil itu. Junjung adalah menjadi adat kebiasaan sebagai pembantu untuk berdiri

kukuh. Kalau diibaratkan kepada kaum wanita, junjungannya adalah suaminya.

Apa saja tumbuhan yang menjalar dan melata tidak akan dapat berdiri sekiranya tidak diberi junjung, samalah seperti kacang panjang, petola, kambas dan sebagainya. Tetapi nenek moyang orang Minangkabau mengambil '**alam terkembang jadikan guru**' berpandukan kepada tabiat sirih yang dikatakannya: '**Sirih berjunjung**'. Kenapa mereka tidak menyebut kacang panjang berjunjung misalnya sebagai berguru kepada sumber alam?

Di antara sifat-sifat yang diberikan Allah SWT kepada kacang panjang dan sirih terdapat satu perbezaan walaupun kedua-duanya sama-sama menjalar serta memerlukan junjung untuk memanjat. Kacang panjang akan memanjat junjungnya dengan melilitkan dirinya ke junjung tetapi sebaliknya sirih hanya sekadar melekap tidak melilit seperti kacang. Ia tidak mengganggu dan menguasai kebebasan junjungnya untuk bergerak, begitulah perbezaan di antara kacang dan sirih.

Selain dari itu kita lihat juga pepatah orang-orang Negeri Sembilan yang berbunyi:

Enau berpangkat turun

Pulai berpangkat naik

Sumber alam ini boleh kita jadikan guru kerana sifat-sifat yang ditunjukkan oleh enau berpangkat turun itu ialah mayangnya dari atas turun satu pelepah ke satu pelepah yang akhirnya sampai ke pangkal. Sebaliknya pulai pula berpangkat naik seperti kita lihat sifat dahannya berpangkat-pangkat iaitu yang besar di bawah manakala yang kecilnya di sebelah atas. Tentulah bertentangan dengan tabiat manusia kebanyakan yang berpangkat besar berada di sebelah atas dari mereka yang berpangkat kecil.

Begitu pula pepatah yang menyebut:

Jangan jadi resmi lalang

Makin berbunga semakin tegak

Ikutlah resmi padi

Makin berisi semakin tunduk

Ayam jantan berkokok di bawah rumah tak hilang tuahnya

Ular melilit akar tak hilang bisanya

Menjadi kelaziman lalang apabila berbunga akan menegak tinggi manakala bunganya tidak memberi apa-apa menafaat. Malah dengan kedudukan bunganya yang tegak itu mudah pula condong ke mana saja apabila dipuput

angin.

Bukankah lebih baik mengikut resmi padi yang semakin berisi semakin menunduk. Bukan saja padi boleh memberi menafaat kepada manusia malah ianya menjadi kesukaan burung-burung seperti dibidalkan:

Di mana padi rebah

Di situ tekukur meniti batang.

Apa yang saya paparkan di atas hanya secebis dari ratusan dan ribuan yang boleh dijadikan guru dari 'alam terkembang' ini sekiranya mereka mahu menggunakan akal dan fikiran secara meluas.

Oleh itu kita harus melihat dari perkembangan alam sendiri yang banyak menjadi contoh teladan kepada kita untuk mempelajari khazanah dan perpustakaan alam semula jadi ini.

Cuba kita lihat pula dua rangkap dari pantun tadi:

Setitik jadikan laut

Sekepal jadikan gunung.

Kedua-dua rangkap ini juga amat tinggi nilai falsafahnya. Kalau kita bawa kepada kejayaan orang-orang Minangkabau dalam bidang pendidikan dan ekonomi, dari sebelum perang Dunia Kedua apa lagi sekarang, kejayaan orang-orang Minang dalam kedua-dua bidang ini amat terserlah jika dibandingkan dengan suku-suku lain.

Meskipun bilangan rakyatnya agak jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan daerah-daerah di Nusantara Melayu lain tetapi kejayaan mereka dalam bidang ini ternyata ketara dan menonjol.

Mereka telah berjaya mempraktikkan:

Setitik jadikan laut

Sekepal jadikan gunung itu.

Saya tidak berhajat hendak mengulas kedua-dua rangkap ini kerana akan mengambil masa yang panjang, insya-Allah jika umur panjang lain kali saja.

Seperkara lagi yang tidak kurang dengan nilai falsafahnya yang terungkap dalam kata-kata ini:

Tiga tungku sejerangan

Tiga tali sepilinan

Apa yang dikatakan '**tiga tungku sejerangan**'? Memanglah mudah bagi kita memahami ibarat tamsil ini kerana setiap tungku mestilah ada tiga. Kalau ada dua atau satu saja tidaklah merupakan sifat tungku.

Mungkin ramai di kalangan anak-anak muda kita yang tidak memahami '**tiga tali sepilinan**' ini. Sebelum adanya tali belati atau sekarang tali-tali plastik, orang-orang tua kita dulu membuat tali dari ijuk enau.

Ijuk enau ini bila hendak dijadikan tali, ia dililit melalui satu alat pemusing atau pemliuh bagi memintal tali berkenaan. Kemudian tali ijuk yang sudah dipintal itu tidak memadai dengan satu lembar saja, tetapi dijadikan tiga lembar supaya boleh dipilin agar cukup kukuh bila digunakan. Inilah yang dimaksudkan tiga tali sepilinan ini, supaya menjadi kuat apabila sudah dipilin menjadi tiga.

Malah tali yang dibuat dari ijuk ini adalah lebih kuat dari tali belati sekarang ini, kerana ianya tahan berhujan dan berpanas. Tamsilan dan ibarat yang saya kemukakan mengenai '**tiga tungku sejerangan, tiga tali sepilinan**' ini

amat sesuai dengan sistem masyarakat kita sekarang jika ditinjau dari sudut falsafahnya.

Tiga golongan insan yang menjadi tamsil ibarat yang dimaksudkan di sini ialah: Datuk-Datuk Lembaga, alim ulama dan cerdik pandai dalam tiap-tiap kampung, mukim, daerah atau negeri.

Jika tiga golongan yang berpengaruh ini bersatu sudah tentu kesejahteraan kampung berkenaan tetap terjamin. Kerjasama yang erat dari tiga golongan inilah sesuai dengan maksud '**tiga tungku sejerangan**' dan '**tiga tali sepilinan**' ini.

Di Negeri Sembilan satu ketika dulu memang Datuk-datuk Lembaga ini merupakan orang-orang politik dan pemerintah di setiap kampung, luak atau daerah, memerlukan kerjasama dengan kadi-kadi atau guru-guru agama yang dianggap alim ulama, manakala cerdik pandai pula termasuklah guru-guru, orang tua-tua dan orang-orang terpelajar.

Dengan perubahan-perubahan siasah negara yang sudah berlaku sekarang Datuk-datuk Lembaga tidak lagi memainkan peranan aktif dalam politik dan pentadbiran negeri atas sifat gelarannya, kerana tempatnya telah diambil alih oleh wakil-wakil rakyat. Begitupun Datuk-Datuk Lembaga dikategorikan

orang-orang cerdik pandai tetap memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya sebagai pelapik.

Kalau dulu Datuk-Datuk Lembaga bekerjasama dengan alim ulama dan golongan cerdik pandai bagi menjalankan pentadbiran luak (daerah), maka sekarang wakil-wakil rakyat jika bekerjasama dengan alim ulama dan golongan cerdik pandai dalam usaha memajukan sosio-ekonomi dan infrastruktur kampung-kampung pastilah kampung itu akan maju, aman damai dan mencapai kejayaan.

Bagi negeri-negeri lain selain dari Negeri Sembilan tentulah mempunyai proses yang sama juga. Apabila tiga golongan ini bekerjasama di satu-satu kawasan pilihanraya maka jelaslah telah dipraktikkan '**tiga tali sepilinan**' dan '**tiga tungku sejerangan**' ini. Sekaligus kita terus menerima bahawa memang wajar dikatakan '**alam berkembang jadikan guru**' dalam kehidupan kita bermasyarakat.

ini semuanya dapat kita andaikan sebagai neraca perbandingan, kerana setiap perubahan hendak kita lakukan terhadap peraturan hidup bermasyarakat hendaklah sesuai dengan suasana sekelilingnya kerana pepatah kita menegaskan:

Sekali air pasang sekali pasir berubah

Sekali raja mangkat sekali adat beralih.

Adat yang disebutkan di sini ialah undang-undang atau peraturan-peraturan seperti yang disebutkan di awalan tadi.

Jelaslah sekarang bahawa tidaklah benar adat itu tidak boleh diubah, kerana ianya boleh berubah mengikut keadaan zaman dan peralihan masa sesuai seperti digarapkan dalam ungkapan: **Alam berkembang jadikan guru. Jika ada orang yang sengaja mahu mempertikaikan:**

Adat tak lapuk dek hujan

Tak lekang dek panas

Dianjak layu dicabut mati

hanya kesilapan dari segi pengertian dan istilah saja.

Kadangkala ramai orang terkeliru mengenai adat apabila mereka tidak dapat membezakan apakah yang dikatakan adat, istiadat, adat istiadat dan resam. Demikian juga dengan istilah apabila kita mencari penyelesaian adat sama ada adat mencari benar, atau benar mencari adat.

Kesimpulan dari hujah ini adat yang sebenar-benarnya adat itulah yang dikatakan 'tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan' kerana kebenaran itu harus dipelihara sebaik-baiknya seperti diungkapkan:

Gemuk berpupuk

Segar bersiram

Kebenaran inilah yang diperlukan dalam mencari keadilan, kesaksamaan dan kesejahteraan. Di dalam menentukan kebenaran inilah juga maka ditegaskan:

Adat bersendikan hukum

Hukum bersendikan syarak

Syarak mengata adat menurut

Apakah peraturan-peraturan yang telah ditetapkan tidak boleh diubah?

Jawabnya boleh, asalkan saja ianya mempunyai asas kebenaran bukan kebatilan, memberi menafaat bukannya mudarat, mendorong kepada kemudahan dan bukannya kesukaran. Sebab itulah dijelaskan seterusnya:

Ibu adat MUAFAKAT.....

REZEKI SECUPAK TAKKAN JADI SEGANTANG

Satu lagi pepatah yang selalu dipersoalkan oleh banyak pihak yang berbunyi, **'rezeki secupak takkan jadi segantang'**. Kebanyakan mereka menganggap pepatah ini sudah iapuk serta tidak sesuai lagi di zaman yang serba maju ini.

Sepintas lalu kalau kita ambil perhatian memang ia menepati seperti yang dianggap oleh banyak pihak ini, seperti yang pernah saya sebutkan berkali-kali sama ada tulisan atau percakapan di mana-mana ada kesempatan bahawa, saya juga pada awalnya beranggapan demikian.

Tetapi sebaliknya seperti pepatah **'biar mati anak jangan mati adat'** dan beberapa ungkapan lain lagi samalah sifatnya dengan pepatah ini. Untuk sarna-sama kita renung dan fikirkan sejauh mana benarnya andaian ini, saya cuba huraikan secara ringkas akan hikmah, erti dan makna disebalik ungkapan ini.

Kita sebagai manusia atau insan yang dikurniakan Allah SWT mempunyai sifat-sifat dan kelebihan yang tidak kedapatan kepada makhluk lain, seperti segala macam jenis haiwan umpamanya. Keistimewaan yang ada kepada manusia jika dibandingkan dengan haiwan selain dari beberapa sifat tertentu

ada dua lagi sifat dan kelebihan iaitu 'akal dan ikhtiar'. Allah SWT mengurniakan kedua-dua sifat ini untuk kita menafaatkan sebaik-baiknya, terserahlah kepada setiap individu itu cara-cara mereka dan kaedah mereka sendiri.

Dalam pada itu, sebagai insan biasa kedapatan ada tiga perkara yang kita sendiri tidak tahu dan boleh mengagak apa akan berlaku kepada diri kita baik dalam keadaan semasa lebih-lebih lagi masa depannya, tiga perkara yang berkenaan adalah:

- Pertama - Rezeki
- Kedua - Jodoh pertemuan
- Ketiga - Ajal dan maut

Ketiga-tiga perkara ini semuanya adalah dalam pengetahuan dan ilmu Allah SWT belaka. Sebanyak mana rezeki kita, dengan siapa akan bertemu jodoh dan berapa tahun umur kita, dan bila kita mati semuanya tidak dapat kita duga. Dalam pepatah ini kita tumpukan perhatian dengan pepatah yang menjadi kontroversi ini, iaitu mengeni dengan '**rezeki secupak takkan jadi segantang**'. Sebanyak mana rezeki kita dalam apa juga pekerjaan yang kita buat dan lakukan terutama dalam dunia perniagaan, kita tidak mengetahui berapa keuntungan atau sebaliknya mengalami kerugian tergantung kepada

usaha dan ikhtiar dengan menggunakan akal yang dikurniakan Allah. Setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh, dapat keuntungan sekian-sekian banyak pada hari itu, bulan itu dan tahun itu, maka di sini barulah sesuai pepatah ini digunakan.

Begitu juga seorang petani yang mengerjakan sawah padi, setelah mereka berusaha dengan sungguh-sungguh menurut daya usaha yang semestinya dilakukan dengan betul menurut kebiasaan seperti dirumput, dibaja, disembur racun dan sebagainya maka pada tahun itu kita dapat sekian-sekian ratusan gantang misalnya, maka barulah pepatah ini boleh digunakan, tetapi jika sebaliknya kita biarkan saja sawah kita itu ditumbuhi rumput, tidak dibaja dan dipelihara dengan baik atau dengan berserah saja kepada takdir, maka pepatah ini bukanlah pada tempat digunakan.

Begitu juga jika seorang nelayan yang turun menangkap ikan di laut, jika kita membawa jala atau jaring yang sudah banyak atau lain-lain kekurangan dengan tidak mengikut cara-cara yang semestinya sebagai seorang nelayan yang berakal sempurna, maka kita serahkan saja kepada nasib, '**jika rezeki secupak takakn jadi segantang**' maka pepatah ini bukanlah pada tempatnya. Maka begitu jugalah dengan lain-lain pekerjaan yang kita lakukan dengan sambil lewa menyerah kepada nasib, maka pastilah rezeki kita yang sepatutnya dapat segantang bukan saja dapat secupak malah lebih kurang

lagi dari itu.

Dalam pepatah lain ada diungkapkan dengan jelas hujah-hujah yang menggalakkan setiap orang berusaha dengan sungguh-sungguh seperti berikut:

Tidak ada yang :

Pipih datang melayang;

Tidak ada yang :

Bulat datang menggolek; dan

Tidak akan ada :

Bulan jatuh ke riba.

Di sini sudah amat jelas menggambarkan betapa setiap orang itu harus berusaha dan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh bagi mendapatkan rezeki.

Pepatah di bawah ini juga sudah cukup menggambarkan bagaimana seseorang itu harus berusaha dengan gigih iaitu **'kalau tidak dipecahkan ruyung di manakan dapat sagunya'**. Terpulanglah kepada setiap individu membuat tafsiran sendiri-sendiri. Bagi saya pepatah ini tidak ada cacat celanya dan ia adalah sesuai dengan sebarang waktu dan masa.

JIKA BERLAKU PERCERAIAN

Satu lagi yang menjadi perhatian dan perbualan umum dan kadang-kadang dijadikan senda gurauan, ejekan dan bahan ketawa bagi sesetengah mereka yang kurang memahami atau sengaja membesar-besarkan sesuatu yang jarang-jarang berlaku iaitu: Jika berlaku perceraian di antara suami isteri dalam golongan Adat Perpatih. Lebih-lebih lagi jika lelakinya orang luar dari Negeri Sembilan. Mereka akan turun dari rumah sehelai sepinggang atau berseluar pendek sahaja kerana segala hartanya habis dimiliki atau dalam bahasa yang lebih kasar dikikis oleh isteri atau keluarga isteri dan mertuanya.

Memang suatu yang telah menjadi adat di Negeri Sembilan orang lelaki yang berkahwin datang dan tinggal di rumah perempuan, bukan perempuan yang dibawa oleh suaminya kerana itu tuduhan-tuduhan demikian ada asasnya. Malah orang-orang yang datang berkahwin dengan wanita-wanita di Negeri Sembilan lebih beruntung kerana mereka (lelaki) bukan sahaja dapat isteri tetapi juga rumah dan harta-harta lain seperti sawah, kebun, dusun dan sebagainya yang menjadi milik isterinya yang telah diperuntukkan oleh ibu bapanya.

Telah menjadi adat di Negeri Sembilan, setiap ibu bapa menjadi tanggungjawabnya mendirikan rumah bagi setiap orang anak perempuannya menurut kemampuan masing-masing. Jika keluarga itu mampu dan orang berada maka besar dan cantikan rumahnya. Mana yang kurang berada maka keadaan rumahnya tentunya berbeza dengan mereka yang lebih berada.

Kerana itulah jika takdirnya berlaku penceraian maka lelaki harus meninggalkan rumah tersebut kerana ia bukan miliknya. Dari sinilah konon timbul ejekan dan kata-kata yang kurang manis didengar dari mereka yang suka membawa cerita yang bukan-bukan.

Begitupun soal cerai beraf ada berlaku di mana-mana bukan dalam lengkongan orang-orang yang beradat perpatih sahaja, biasanya soal pembahagian harta terserah kepada budibicara dan perundingan di antara kedua belah pihak lebih-lebih lagi jika ada anak-anak yang ditinggalkan.

Dalam Adat Perpatih telah sedia dengan peraturan tertentu menurut kebiasaan yang diungkapkan dalam pepatahnya. Jika ada harta yang dibawa oleh suaminya sama ada harta yang boleh dialeh atau tidak begitu juga harta dapatan yang dimiliki oleh isterinya atau yang diperolehi ketika bersama maka ia hendaklah mematuhi menurut aturan adatnya seperti berikut:

Pembawa kembali

Dapatan tinggal

Carian dibahagi.

Yang bererti harta yang dibawa oleh suaminya waktu mula-mula berkahwin dulu hendaklah dibawa balik dan harta isterinya yang didapati hendaklah tinggal dan harta sepencarian sewaktu bersama hendaklah dibahagi sama.

Ia tidak timbul seperti yang dijadikan bahan ketawa bahawa sisuami turun sehelai sepinggang. Sebaliknya jika sisuami pula dengan rela hati menyerahkan harta sepencarian atau yang dibawanya itu untuk milik anak-anak mereka itu terserah kepada budi bicara mereka sendiri.

Dalam hubungan ini maka Adat Perpatih sama sekali tidak menggalakkan perceraian dan tidak begitu mudah pula untuk bercerai. Sebelum lagi perceraian berlaku, biasanya diadakan perbincangan dengan tempat semenda yang rapat seperti abang adik atau bapa saudara pihak perempuan.

Tempat semenda atau bapa saudara inilah yang akan bercakap kepada ibu bapa atau keluarga mertuanya. mereka yang berkenaan ini pula akan berbincang dengan buapak dalam suku itu dan seterusnya kepada datuk lembaganya sendiri yang akan menjadi orang tengah bagi mendamaikan

perselisihan atau perkelahian yang berlaku yang boleh membawa kepada perceraian.

Jika takdirnya tidak juga dapat diselesaikan dan tidak ada jalan lagi untuk dipulihkan-kembali maka barulah timbul soal pembahagian harta seperti yang disebutkan. Sama sekali tidak berlaku turun sehelai sepinggang seperti yang didakwa, tetapi sebaliknya berlaku juga keadaan yang buruk begini maka ia bukanlah sistem pentadbiran Adat Perpatih tetapi adalah kerana nafsu tamak mempengaruhi jiwa seseorang yang biasa berlaku kepada insan di mana-mana pun.

Undang-undang negara sendiri pun tidak khali dilanggar oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan kerana itulah diwujudkan undang-undang dan peraturan oleh pemerintah seperti yang kita saksikan sekarang di mana-mana pun di dunia ini.

TANAH PESAKA

Seperkara lagi yang menjadi kontroversi dan persoalan yang sering disebut-sebut oleh banyak orang bukan saja di Negeri Sembilan tetapi juga di tempat lain ialah mengenai pembahagian dan pemilikan tanah pesaka yang dikatakan tidak menurut hukum syarak atau faraid.

Perkara ini bukanlah soal baru tetapi telah bermula sejak sebelum perang lagi hinggalah selepas perang dan berjela-jela hingga sekarang.

Walaupun tanah pesaka adat ini tidaklah begitu banyak tetapi tidak pula sedikit jumlahnya yang boleh dikatakan semuanya telah dibuka, dimajukan dan didiami, selain daripada tanah kampung ialah tanah-tanah sawah dan juga dusun.

Tanah-tanah yang banyak kedapatan ialah daerah Kuala Pilah, Rembau, sedikit di Tampin dan di Jelebu. Sebelum perang dunia kedua iaitu tahun 1924 - 1926 tanah-tanah adat di Sungai Ujung telah ditukar corak pemilikannya, kerana itu dalam Sungai Ujung tidak lagi menimbulkan persoalan kontroversi kerana pembahagian dan pemilikan tanah-tanah adat itu telah ditukar dari sistem Adat Perpatih kepada adat Temenggung iaitu

menurut hukum faraid.

Di sini timbul satu persoalan yang amat besar yang seharusnya diberikan jawapan : Apakah benar pembahagian tanah-tanah pesaka adat ini seperti yang diamalkan sekarang tidak menurut hukum syarak atau faraid seperti yang digariskan dalam Agama Islam?

Kita orang Melayu semuanya beragama Islam yang telah dianuti dan diwarisi sejak beratus-ratus tahun yang lalu. Menurut perlembagaan, seseorang Melayu itu tidak dianggap Melayu jika bukan beragama Islam. Sebaliknya orang-orang yang bukan keturunan Melayu jika sudah menganut agama Islam beradat istiadat dan berkebudayaan menurut cara hidup orang Melayu maka ia dianggap sebagai orang Melayu. Kerana itu soal pembahagian tanah pesaka yang sejak ratusan tahun menjadi soal yang kontroversi perlu diselesaikan supaya yang keruh dapat dijernihkan, yang kusut dapat diselesaikan.

Sebelum satu-satu keputusan dibuat mengenainya, suka saya menjelaskan di sini apa yang saya tahu dari pengalaman dan penyelidikan yang saya buat berhubung dengan tanah pesaka adat ini.

Sebelum penjajah Inggeris menakluki negeri kita ini, pada waktu itu bukan

saja tanah pesaka malah tanah-tanah lain juga tidak ada ditanam batu sempadan dan tidak ada geran tanah. Pembahagian milik hanya ditentukan oleh Datuk Lembaga, sempadan yang menentukan kepunyaan atau milik hanya dibuat dari pokok-pokok baka yang kekal dan juga kalau di sawah menurut jenjang-jenang sawah begitu juga tanah-tanah dusun dan sebagainya.

Kesemua tanah-tanah adat ini adalah milik suku atau waris bukannya milik individu atau perseorangan yang semuanya dijaga dan dikawal oleh Datuk Lembaga masing-masing suku.

Orang lelaki juga berhak mengerjakan tanah sawah hasil dusun atau buah-buahan dalam kampung selain daripada hak perempuan yang mendiami tanah tersebut. Kerana orang lelaki menyemenda dan berpindah ke rumah isterinya bukan isteri ke rumah suami, maka tanah-tanah pesaka itu adalah dijaga oleh orang semenda. Maka begitulah juga tempat semenda yang menyemenda ke suku lain itu mereka juga menjaga tanah-tanah yang dimiliki oleh isterinya.

Pada waktu ini tidak timbul langsung soal-soal sama ada ia bertentangan dengan hukum syarak atau tidak kerana baik lelaki mahupun perempuan adalah berhak bersama, tidak ada batu sempadan dan tidak ada geran yang tertera nama-nama pemilik di atas tanah tersebut seperti yang berlaku

sekarang.

Tetapi setelah penjajah Inggeris datang menjajah negara kita ini maka satu undang-undang dan peraturan tanah telah digubal bagi menyenangkan penjajah Inggeris mengutip dan memungut cukai bagi kesenangan pentadbiran penjajah, kerana itu semua tanah-tanah di negara kita ini diperintahkan tanam batu sempadan dan dikeluarkan geran serta dicatatkan nama tuan tanah tersebut dalam geran mereka.

Disebabkan tanah-tanah pesaka kita ini didiami oleh waris perempuan maka geran-geran tersebut diletakkan nama waris perempuan dan tidak ada nama pihak waris lelaki. Pada awalnya peraturan ini tidak menimbulkan perbalahan atau kekecohan kerana setiap orang kita mematuhi peraturan adat yang dipusakai turun temurun dan tidaklah timbul langsung soal sama ada ia bertentangan atau tidak dengan hukum syarak, tetapi setelah kebanyakan orang tua-tua meninggal dunia, pesaka waris tinggal kepada anak-anak cucu cicit maka bermulalah timbul perbalahan dan kadang-kadang disebabkan kerana perebutan harta dan kerana pengaruh wang ringgit lebih-lebih lagi ada di antara orang semenda yang berlagak mengeneipkan tempat semendanya dan sebaliknya kedapatan pula tempat semenda yang agak keterlaluan dan agak tamak itu mulallah bibit-bibit perpecahan dan perbalahan berlaku dan timbullah persoalan yang membangkitkan soal pemilikan tanah adat yang

tidak mengikut hukum syarak.

Pada satu waktu dahulu, saya lupa tahunnya yang tepat, perbalahan yang hangat juga berlaku dan akhirnya nama orang lelaki diletakkan di belakang geran untuk mengelakkan perasaan tidak puas hati yang timbul dari pihak lelaki. Tetapi ini juga tidak menghilangkan rasa curiga ataupun soal yang membolehkan seorang lelaki itu berhak atas tanah pesaka tersebut kerana namanya hanya terletak di belakang geran saja. Perkara ini berlaku timbul tenggelam hingga sekarang pun belum ada keputusan yang muktamad telah dibuat.

Di sini suka saya membawa perhatian sidang hadirin sekalian supaya memikirkan dengari sungguh-sungguh mencari jalan dan ikhtiar supaya perkara yang kusut ini dapat diusaiakan dengan sebaik-baiknya ibarat:

Menarik rambut dalam tepung

Rambut jangan putus

Tepung jangan berselerak

Soal-soal adat dan agama menurut undang-undang tubuh kerajaan negeri kita ini adalah terletak kuasanya dalam tangan raja dan undang. Raja dan undang mempunyai satu majlis yang dipanggil Dewan Keadilan dan Undang. Dalam

majlis inilah terletakinya semua perkara yang berkaitan dengan hukum agama dan peraturan adat, dalam sidang dewan inilah biasanya dibincangkan. Raja dan Undang inilah yang memegang pucuk pimpinan dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama dan adat ini.

Begitu pun soal-soal yang berkaitan dengan undang-undang sama ada dibuat baru atau pindaan ia terletak di tangan kerajaan yang akan dibincangkan dan diputuskan dalam Dewan Undangan Negeri.

Bagaimanapun di akhir-akhir ini, apa yang saya difahamkan telah ada satu fatwa yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan mengenai dengan pembahagian tanah pesaka ini. Di sini saya perturunkan sepenuhnya keputusan tersebut dan ia telah pun dikemukakan kepada Dewan Keadilan dan Undang.

SYOR-SYOR JAWATANKUASA SYARIAH

Adat hendaklah dipelihara dan dijaga dari sebarang penyelewengan yang akan mencarikan dasar-dasarnya. (Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah).

Sebarang perkara adat yang hendak diperundang-undangkan hendaklah diselaraskan dengan syarak, seperti kata adat:

Adat tidak menggalang

Hukum tidak mengambat"

Ke hulu batang tidak berlanggung

Ke hilir dahan tidak mengampai

Majlis Agama Islam hendaklah bertindak dengan membuat cadangan-cadangan seperti berikut:

- (i) Menambah satu ceraian lagi bagi Undang-undang CTE 215 dengan perkataan "Pemilik tanah-tanah adat boleh memohon supaya dijadikan tanah kawasan Melayu" tujuannya supaya undang-undang CTE 215 itu bertambah adil dengan ada jalan**

masuknya seperti pada cerai (i) itu dan ini pula jalan keluarnya.

- (ii) Menjadikan tanah-tanah adat itu sebagai tanah-tanah wakaf khas, dengan mengakui dan mengekalkan syarat-syarat pada CTE 215 itu. Tujuannya menyelaraskan hukum adat dan syarak sesuai dengan kata-kata adat "adat bersendikan hukum, Hukum bersendikan kitaibullah".
- (iii) Membatalkan undang-undang (SEDO) ACT. 98 (i). Tujuannya kerana undang-undang (SEDO) ACT 98(i) berlawanan (tidak sesuai) dengan adat dan syarak.
- (iv) Mencadangkan satu ceraian bagi undang-undang (SEDO) ACT. 98 sebagai menggantikan (SEDO) ACT. 98(i) yang telah dibatalkan itu. Cadangan itu berbunyi demikian "Bahawa tiap-tiap orang meninggal dan hartanya berada di dalam Negeri Sembilan maka pembahagian hartanya itu hendaklah mengikut agama simati itu".

Dewan Keadilan juga telah membentuk sebuah badan penasihat bebas berupa sementara yang dianggotai oleh tokoh-tokoh pentadbir, perundangan, alim ulama dan tokoh-tokoh adat untuk mendapatkan pandangan dan

nasihat. Badan ini telah mengadakan perjumpaan dan mengambil pandangan:

Oleh kerana tanah-tanah adat yang berkenaan ini telah dimiliki oleh terlalu ramai pewarisnya, kebanyakan mereka ini pula sudah tidak lagi berminat untuk memiliki tanah-tanah ini, lebih-lebih lagi kebanyakan mereka telah berhijrah ke tempat-tempat lain. Oleh itu badan ini telah membuat syor seperti berikut:

1. Sekiranya pewaris-pewaris ini dengan secara rela dan suka hati menyerahkan haknya kepada pewaris-pewaris berkenaan, maka mereka dibolehkan berbuat demikian kerana ia dibolehkan di sisi syarak.
2. Jika berlaku sebaliknya mereka menuntut haknya masing-masing maka pembahagian pesaka ini hendaklah dibuat menurut hukum "Faraid".

Pepatah adat sendiri jelas mengungkapkan:

"Adat bersendi hukum

Hukum bersendi kitabullah

Syarak mengata adat menurut"